

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 (27)

1) JURUUKUR BAHAN (GRED J41)

1. (a) Jawatan : Juruukur Bahan (Gred J41)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji : RM 2,529.00 – RM 9,643.00

3. Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00); dan

- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran kontrak, menilai kadar harga dan mengadakan perundingan untuk mempersetujui harga, membuat penilaian dan menyediakan Laporan Penilaian Tender/Sebut harga serta pengesyoran kepada Jawatankuasa Perolehan/Sebut harga

LLM, mengurus, menyelaraskan dan mengemaskini kerja-kerja berkaitan Juruperunding Tanah serta memantau pelaksanaan projek pembinaan lebuh raya dari segi prosedur kontrak dan dasar kerajaan.

2) JURUTERA AWAM (GRED J41)

1. (a) Jawatan : Jurutera Awam (Gred J41)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji : RM 2,529.00 – RM 9,643.00

3. Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00); dan

- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Merancang, mengurus dan memantau lebuh raya dalam perancangan, pembinaan dan beroperasi mengikut peruntukan perundangan, peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

3) PEGAWAI TADBIR (GRED N41)

1. (a) Jawatan : Pegawai Tadbir (Gred N41)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
2. Jadual Gaji : RM 2,080.00 – RM 9,546.00
3. Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43); dan

- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak
5. Fungsi Bidang Tugas :

Melaksanakan tugas-tugas berkaitan pengurusan sumber manusia, latihan, perkhidmatan, pentadbiran pejabat, kualiti, hal ehwal korporat, pengurusan aset, pengambilan tanah, pemantauan projek lebuhraya bertol, mengaudit trafik dan hasil tol serta auditan dalaman selaras dengan pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

4) PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (GRED F41)

1. (a) Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F41)
 - (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
 - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat
2. Jadual Gaji : RM 2,315.00 – RM 9,618.00

3. Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,315.00); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,522.44); atau

- (iii) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat atau Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,833.78); atau

- (iv) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM 3,145.11); dan

- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab dalam membangun, membaiki dan menyenggara aplikasi komputer serta pangkalan data, di samping memberi latihan kepada pengguna sistem. Turut bertanggungjawab membaiki dan menyenggara perkakasan, perisian dan sistem operasi komputer di dalam sesebuah sistem rangkaian komputer dan Pusat Data serta kerja-kerja pengurusan aset ICT supaya sentiasa dalam keadaan yang baik dan terurus.

5) JURUAUDIT (GRED W41)

1. (a) Jawatan : Juruaudit (Gred W41)
(b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
2. Jadual Gaji : RM 2,094.00 – RM 9,585.00

3. Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM 2,300.73); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM 2,819.63); atau

- (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM 2,819.63); atau

- (iv) Ijazah daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM 2,923.41); atau

- (v) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred W41: RM 3,027.19); dan

- (d) Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Menjalankan pengauditan secara profesional ke atas pematuhan pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa, pematuhan pengurusan kewangan, prestasi dan membuat susulan audit. Menguruskan aktiviti pengauditan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat, memenuhi keperluan dan harapan *stakeholders*.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **8 Jun 2021 (Selasa)** hingga **21 Jun 2021 (Isnin)**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **22 Jun 2021 (Selasa)**.

PERMOHONAN DITOLAK

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i. Tidak lengkap;
- ii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iii. Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan; dan
- iv. Tidak menyertakan jawapan kepada soalan esei bersama-sama borang permohonan.

CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.